

Headline	Zuraida sangkal dakwaan akar umbi BN tolak PBM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Sep 2022	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	9	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	138 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,637



Zuraida sangkal dakwaan akar umbi BN tolak PBM

JASIN - Parti Bangsa Malaysia (PBM) menafikan dakwaan bahawa terdapat ahli akar umbi Barisan Nasional (BN) di beberapa negeri menolak parti baharu itu menjadi komponen BN.

Presiden Pengganti PBM, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, setakat ini perbincangan mengenai perkara itu berjalan lancar.

"Tidak timbul isu 'ditolak'. Tidak ada dalam rekod saya dan saya tidak tahu.

"Perbincangan berjalan dengan baik dan positif. Saya bekerja untuk perkukuhkan parti. Itu lebih penting," kata Zuraida selepas merasmikan Program Penanaman Pokok Sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia di Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

(FRIM) Selangor di sini, pada Jumaat.

Zuraida yang merupakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi berkata, beliau yakin rakyat dapat menerima PBM, sekali gus memenangi kerusi yang akan ditandingi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

"Insya-ALLAH, boleh menang tujuh kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dewan

Undangan Negeri," kata beliau lagi.

Sebelum ini, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir mengesahkan gabungan parti berkenaan masih memperhalusi permohonan parti termasuk PBM untuk menjadi komponennya.

Zambry berkata, permohonan itu akan diteliti oleh urus setia sebelum mengumumkan mengenai hal itu.